

Usaha perkasa pengurusan wakaf

Kerajaan akan terus mengangkat wakaf sebagai agenda nasional kerana konsep wakaf mampu lonjakkan ekonomi negara.

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

KUALA LUMPUR

Kerajaan sedang menyediakan Pelan Induk Wakaf Nasional iaitu sebuah pelan holistik untuk memperkasakan pengurusan wakaf di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dalam menggembeng pendekatan 'whole-of-nation', institusi wakaf perlu bersama-sama memainkan peranan melonjakkan sosioekonomi komuniti, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menurutnya, konsep wakaf mampu melonjakkan ekonomi masyarakat dan negara, disebabkan itu kerajaan akan terus mengangkat wakaf sebagai agenda nasional.

"Justeru, wakaf telah dijadikan se-



Ismail Sabri (depan, tengah) bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Ikris Ahmad (empat, kiri); Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh (lima, kanan) dan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Dr Mohd Daud Bakar bergambar bersama para penerima Sijil Keahlian Waqaf Felda selepas pelancaran Waqaf Felda di Menara Felda, pada Jumaat.



bahagian kerangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Fokus Kelima dan Fokus Keenam RMK12 menggariskan peranan kritikal yang perlu dimainkan oleh institusi wakaf dalam membantu Keluarga Malaysia keluar dari kepompong kemiskinan.

"Ia selaras usaha pelbagaikan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti bumiputera.

"Menerusi Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan dana permulaan sebanyak RM10 juta bagi memulakan inisiatif Wakaf Halal Perusahaan Kecil dan

Sederhana, Wakaf Pertanian dan Wakaf Bencana," katanya ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Waqaf Felda di Menara Felda di sini pada Jumaat.

Ismail Sabri berkata, pelancaran Waqaf Felda menjadi bukti peranan penting Felda yang sentiasa ke hadapan dalam menyokong dan menjadi tunjang penting pembangunan ekonomi negara.

Beliau berkata, peranan itu bersandarkan kekuatan semangat warga peneroka sejak 65 tahun lalu apabila yang jauh datang merantau meninggalkan kampung halaman ke kawasan Felda di pedalaman demi

mengubah kehidupan keluarga masing-masing.

Katanya, objektif penubuhan Waqaf Felda adalah menyokong pembentukan model perniagaan baharu, menyemai benih keberkatan, menyuburkan kebajikan dan sumbangan kepada komuniti serta mengukuhkan kelestarian Felda.

"Waqaf Felda akan melaburkan semula sebahagian keuntungan pelaburan awal yang disumbangkan Felda sendiri dan agensi seperti FGV Holdings Berhad, Koperasi Permodalan Felda dan MSM Holdings Berhad," katanya.

Media: Kosmo!

Date: 13 November 2021